

Suatu Pengenalan Terhadap Manuskrip Kitab *Sullam al-Mubtadi*

Karya Shaykh Daud al-Faṭānī

Siti Fatimah Binti Idris

Fakulti Pengajian Islam, Innovative University College (IUC).

Innovative University College Kelana Square, Jalan SS 7/26, 47301

Petaling Jaya, Selangor.

Emel: info@innovative.edu.my

Omar Muhammad Kalash

Fakulti Pengajian Islam, Innovative University College (IUC).

Email: dromarkalash@innovative.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini memperkenalkan manuskrip Kitāb *Sullam al-Mubtadi* karya Shaykh Daud bin ‘Abdullāh al-Faṭānī (wafat 1263 H / 1847 M), ulama Patani yang menghasilkan puluhan karya dalam pelbagai cabang ilmu Islam di Alam Melayu Nusantara. *Sullam al-Mubtadi* disiapkan pada tahun 1836 M dan merupakan kitab asas agama yang merangkumi aqidah, ibadat, mu’amalat, munākahāt, jināyāt serta topik lain yang diperlukan oleh umat Islam. Objektif kajian adalah memperkenalkan kewujudan manuskrip ini, menghurai sifat kodikologinya (nama perpustakaan, nombor panggilan, khat, nama penyalin, tarikh salin, jumlah halaman dan keadaan fizikal), serta mengaplikasikan piawaian deskripsi naskhah mengikut metodologi tahqiq kontemporari. Sorotan kajian lepas mendapati majoriti sarjana terdahulu sekadar menjalankan analisis kandungan terhadap topik-topik tertentu secara terpilih, tanpa melakukan deskripsi kodikologi yang menyeluruh. Bagi mengisi jurang tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui dokumentasi kepustakaan, analisis kodikologi dan pemerhatian fizikal manuskrip di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Dapatan utama memperincikan sifat-sifat pelbagai naskhah manuskrip *Sullam al-Mubtadi*, iaitu teks rujukan asas pengajian fiqh mazhab Syafii di institusi pondok tradisional Alam Melayu hingga abad ke-20. Pendekatan

kodikologi ini menjadi langkah permulaan penting dalam usaha tahqiq moden dan pemuliharaan khazanah ulama Nusantara yang kini kian terancam oleh kerosakan fizikal serta kelupaan generasi.

Kata kunci: Sullam al-Mubtadi, Shaykh Daud al-Faṭāni, manuskrip Melayu, kodikologi, fiqh jawi, tahqiq, kitab jawi, Patani.

ABSTRACT

This paperwork introduces the manuscript of *Kitāb Sullam al-Mubtadi* composed by Shaykh Daud bin 'Abdullāh al-Faṭāni (d. 1263 AH / 1847 CE), a Patani scholar who produced dozens of works across various branches of Islamic knowledge in the Malay-Indonesian Archipelago. *Sullam al-Mubtadi* was completed in 1836 CE and constitutes a foundational religious text encompassing *aqīdah* (creed), *ibādāt* (ritual worship), *muāmalāt* (social transactions), *munākahāt* (marriage law), *jināyāt* (criminal law), and other topics required by the Muslim community. The objectives of this study are to introduce the existence of this manuscript, to delineate its codicological properties (library name, call number, script, scribe's name, date of transcription, total number of pages, and physical condition), and to apply manuscript description standards in accordance with contemporary *tahqīq* (critical edition) methodology. A review of previous studies reveals that the majority of earlier scholars merely conducted content analyses of selected topics on an ad hoc basis, without undertaking a comprehensive codicological description. To address this gap, the present study adopts a qualitative approach through library documentation, codicological analysis, and direct physical observation of the manuscript at the *Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu*, National Library of Malaysia. The principal findings elaborate the distinguishing properties of the various extant copies of the *Sullam al-Mubtadi* manuscript—a foundational reference text for the study of Shafi'i *fiqh* in traditional *pondok*

institutions throughout the Malay Archipelago until the twentieth century. This codicological approach constitutes an important preliminary step in modern *tahqīq* efforts and in the preservation of the Nusantara scholarly heritage, which is presently threatened by physical deterioration as well as the erosion of generational memory.

Keywords: *Sullam al-Mubtadi*, Shaykh Daud al-Faṭāni, Malay manuscripts, codicology, *fiqh jawi*, *tahqīq*, *kitab jawi*, Patani.

الملخص

يُقدِّم هذا البحث مخطوطة كتاب "سُلَّم المُبتدئ" المنتمية إلى قلم الشيخ داود بن عبد الله الفطاني (المتوفى سنة ١٢٦٣ هـ / ١٨٤٧ م)، وهو عالم من علماء فطاني أسهم بإنتاج عشرات المؤلفات في مختلف فروع العلوم الإسلامية بأرجاء عالم الملايو الأرخبيلي. وقد أُنجِزَ تأليفُ هذا الكتاب عام ١٨٣٦ م، ويُعدُّ نصًّا تأسيسيًا في العلوم الشرعيّة يتناول مسائل العقيدة والعبادات والمعاملات والنكاح والجنايات وغيرها من الموضوعات التي يحتاج إليها المسلم في حياته اليومية. وتتمحور أهداف الدراسة حول التعريف بوجود هذه المخطوطة، وبيان خصائصها الكوديكولوجية من حيث اسم المكتبة المحفوظة فيها، ورقم الاستدعاء، ونوع الخط، واسم الناسخ، وتاريخ النسخ، وعدد الأوراق، والحالة الفيزيائية الراهنّة، فضلًا عن تطبيق معايير وصف النسخ الخطية وفق منهجية التحقيق المعاصر المتعارف عليها أكاديميًا. وقد أظهر استعراض الأدبيات السابقة أنَّ أغلب الباحثين السابقين اكتفوا بإجراء تحليل للمحتوى على موضوعات مُنتقاة بصورة جزئية، دون الاضطلاع بوصف كوديكولوجي شامل ومنظم يرقى إلى مستوى المعايير المنهجية المعاصرة. ولتسدِّ هذه الفجوة البحثية، اعتمدت الدراسة المنهج النوعي من خلال التوثيق المكتبي، والتحليل الكوديكولوجي، والملاحظة الفيزيائية المباشرة للمخطوطة في المركز الوطني للمخطوطات الماليزية بمكتبة ماليزيا الوطنية. وتتمحور النتائج الرئيسة حول تفصيل خصائص النسخ المتعددة لمخطوطة "سُلَّم المُبتدئ"، باعتبارها نصًّا مرجعيًّا أساسيًا في تدريس الفقه الشافعي بمؤسسات البوندوك التقليدية في عالم الملايو حتى مطلع القرن العشرين. ويُشكِّل

هذا النهج الكوديكولوجي خطوة تأسيسية بالغة الأهمية في مسار التحقيق المعاصر، وفي صون تراث علماء الأرخبيل الملايوي الذي بات مهددًا بالتدهور المادي المتزايد والنسيان المتلاحق من قِبل الأجيال المعاصرة.

الكلمات المفتاحية: سُلَّم المُبتدئ، الشيخ داود الفطاني، المخطوطات الماليزية، علم المخطوطات (الكوديكولوجيا)، الفقه الجاوي، التحقيق، الكتب الجاوية، فطاني.

1. Pendahuluan

Dalam lapangan pengajian manuskrip Islam di Alam Melayu dan Nusantara, Kitab Sullam al-Muhtadi yang ditulis oleh Shaykh Daud al-Faṭāni memegang tempat yang penting sebagai teks rujukan utama dalam tradisi ilmu fardhu 'ain yang berkembang di kebanyakan pusat pengajian pondok di rantau Patani dan gugusan kepulauan Melayu. Ulama yang hidup pada abad ke-18 dan ke-19 ini dikenali melalui banyak karya tulisannya yang merangkumi pelbagai bidang seperti akidah, tasawwuf dan pelbagai cabang perundangan. Karya-karyanya telah sekian lama menjadi asas penyebaran ilmu di Tanah Melayu, Thailand Selatan, Kalimantan serta beberapa kawasan lain di Nusantara. Walaupun kepentingan sejarah dan peranan kitab ini dalam pengajian di pondok jelas terlihat, kajian akademik masa kini terhadap karya Shaykh Daud al-Faṭāni masih belum seimbang. Kebanyakan kajian terdahulu hanya menumpukan kepada biografi ringkas tentang tokoh, senarai karya yang tidak lengkap, atau analisis berasingan terhadap teks-teks tertentu seperti Bughyat al-Tullab, Farā'id, Durrah al-Mudhībah serta Al-Hawāshī al-Naf'iyah. Kajian-kajian tersebut belum menyelidiki secara menyeluruh ciri fizikal naskhah, hubungannya dengan teks-teks asas Shāfi'i dari Timur Tengah, peranannya dalam pengajaran di pondok, mahupun sejarah penerimaannya di Nusantara. Kekurangan ini menjadi lebih ketara apabila didapati belum ada satu kajian lengkap yang melihat Sullam al-Muhtadi secara bersepaduan, iaitu yang menggabungkan kajian fizikal naskhah, pemetaan susunan isi, penelusuran salasilah ilmu, dan penilaian kedudukan kitab ini dalam pengajian asas agama di Nusantara. Keadaan ini menunjukkan keterbatasan pendekatan berasingan-asingan yang biasa digunakan selama ini.

Bermula daripada kelemahan dalam cara dan kaedah kajian yang telah dikenal pasti, rencana ini cuba menjawab satu soalan utama: bagaimanakah Kitab *Sullam al-Mubtadi*, sebagai sebuah teks ilmu asas agama utama karya Shaykh Daud al-Faṭāni, bermazhab Shāfi'i dapat dikenal pasti, dikaji dan dinilai secara menyeluruh melalui gabungan antara kajian fizikal naskhah, pemetaan susunan isi, penelusuran hubungan teks dengan warisan asas Shāfi'i dari Timur Tengah, serta penilaian terhadap peranan kitab ini dalam pengajaran di pondok di rantau Melayu-Nusantara? Bagi menjawab soalan tersebut, kajian ini menetapkan beberapa matlamat yang jelas. Pertama, kajian ini menghuraikan skop fizikal dan kandungan manuskrip *Sullam al-Mubtadi* melalui penerangan terperinci tentang ciri fizikal naskhah, termasuk cara penulisan tangan, ciri bahan naskhah, susunan teks, serta kaedah penulisan yang diamati pada naskhah utama yang dirujuk. Kedua, kajian ini memetakan isi kandungan teks secara teratur untuk menjelaskan susunan topik, struktur bab, dan kaedah perundangan yang digunakan oleh Shaykh Daud. Akhir sekali, sumbangan kajian ini bermanfaat dalam dua hala: di satu pihak, ia merapatkan jurang antara pengajian manuskrip Nusantara dengan tradisi penulisan teks asas agama bermazhab Shāfi'i dari Timur Tengah, manakala di pihak yang lain, ia menawarkan satu contoh kaedah analisis yang boleh digunakan oleh sarjana akan datang, guru pondok dan penyelidik warisan ilmu Melayu-Islam dalam mengenal pasti, mengurus serta mengembangkan manuskrip asas agama utama dengan cara yang lebih saintifik, menyeluruh dan bersesuaian dengan konteks.

2. Sorotan Literatur

Pemerhatian terhadap wacana akademik berkenaan Kitab *Sullam al-Mubtadi* karya Shaykh Daud al-Faṭāni mendapati bahawa kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada analisis kandungan teks, sejarah penulisan kitab, biografi pengarang, serta eksplorasi konsep-konsep fiqh di dalamnya secara terpilih. Walaupun sumbangan-sumbangan tersebut telah banyak memperluas pemahaman tentang pemikiran Shaykh Daud dan relevansi kitab ini di Alam Melayu, kekosongan yang ketara masih kekal dari sudut pendokumentasian sifat-sifat fizikal naskhah manuskrip secara

kodikologi. Bahagian berikut menghuraikan lima kajian lepas yang signifikan, menjelaskan sumbangan masing-masing serta mengenal pasti jurang yang masih belum ditangani oleh sarjana terdahulu.

Kajian terkini yang paling hampir menyentuh tema dokumentasi kitab *Sullam al-Mubtadi* ialah artikel oleh Saiful Anuar Ismail dan Muhammad Hilmi Jalil, "Sejarah dan Spesifikasi Kitab Turath Jawi 'Sullam Al-Mubtadi Fi Ma'rifah Tariqah Al-Muhtadi'" (Ismail & Jalil, 2022). Kajian ini berjaya menyusun sejarah penulisan kitab, menghurai spesifikasi fizikal umum seperti ukuran halaman 27×18.6 cm, ketebalan 64 halaman, serta klasifikasi kandungan kepada tiga bahagian utama iaitu aqidah, fiqh dan tasawuf (Ismail & Jalil, 2022). Saiful Anuar dan Muhammad Hilmi juga berjaya menyenaraikan empat puluh lima nombor panggilan koleksi manuskrip *Sullam al-Mubtadi* (pengkaji telah mengesan satu nombor panggilan bukan kitab *sullam al-mubtadi* iaitu MSS 2340 kitab umdat al-auladi apabila merujuk manuskrip di PNM manakala satu lagi MSS 2300 berlaku dua kali pengulangan) yang tersimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, selain mendokumentasikan beberapa edisi cetakan termasuk cetakan Mathba'ah al-Muhammadiyah (Bombay, 1320 H) dan cetakan Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah (Makkah, 1332 H) (Ismail & Jalil, 2022). Walau bagaimanapun, kajian (Ismail & Jalil, 2022) tidak menjalankan pemerhatian fizikal secara langsung ke atas naskhah-naskhah yang tersimpan, malah data-data spesifikasi fizikal yang dipetik banyak bergantung kepada sumber sekunder seperti rujukan Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah tanpa melalui pemerhatian sendiri (Ismail & Jalil, 2022). Kajian ini turut tidak mengaplikasikan piawaian deskripsi naskhah mengikut metodologi tahqiq kontemporari, dan tidak menghurai sifat-sifat mendalam setiap naskhah seperti khat, nama penyalin, tarikh salin, keadaan bahan kertas, jenis dakwat atau corak catatan tepi halaman — elemen-elemen kodikologi yang menjadi prasyarat penting dalam usaha tahqiq moden yang mana akan diisi oleh kajian ini.

Satu lagi sumbangan penting datang daripada Maziah binti Salleh, "Manuskrip Sullam Al-Muhtadi Fi Bayan Tariq Al-Muhtadi: Transliterasi Dan Analisis Teks" (1996/97), yang dijalankan sebagai kertas projek di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (Salleh, 1997.). Maziah menjalankan kerja transliterasi teks daripada aksara Jawi ke Rumi, selain menghurai latar belakang manuskrip, perolehan naskhah, riwayat hidup pengarang, serta menganalisis teks dari sudut aqidah dan fiqh (Salleh, 1997.). Dari sudut deskripsi fizikal, kajian (Salleh, 1997.) menyatakan bahawa naskhah yang dikaji — iaitu MS 236 — mengandungi 86 muka surat dengan dakwat hitam dan merah, garis seragam antara 21 hingga 28 baris, tulisan Jawi bersaiz sederhana, serta catatan tepi pada halaman tertentu (Salleh, 1997.). Bagaimanapun, fokus utama kajian ini ialah transliterasi dan analisis teks, bukan dokumentasi kodikologi yang menyeluruh. Hanya satu naskhah dipilih sebagai objek kajian tanpa membandingkan sifat-sifatnya dengan naskhah-naskhah lain (Salleh, 1997.). Analisis terhadap nama penyalin, asal-usul khat, sejarah perpindahan naskhah, serta perbandingan antara naskhah tidak dijalankan, sekaligus menjadikan kajian ini belum memenuhi piawaian deskripsi naskhah kontemporari yang diperlukan untuk kerja tahqiq moden.

Analisis konseptual terhadap teks *Sullam al-Muhtadi* turut dijalankan oleh Mohd Faisal Mohamed dan Mualimin Mochammad Sahid dalam artikel "Syekh Daud al-Fatani's Economic Thought Regarding the Concept of Gharar in the Book of Fiqh Jawi: Focusing on Akad Mua'wadah" (Mohamed & Sahid, 2019). Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis method*) untuk mengupas konsep gharar dalam kontrak mu'awadah menurut teks *Sullam al-Muhtadi*, dengan mengenal pasti dua belas keadaan berlakunya gharar yang menyebabkan kontrak menjadi terbatal dan haram, termasuk jual beli buah yang belum masak tanpa syarat potong (*pajak pokok*) dan jual beli tanpa spesifikasi barang yang jelas (Mohamed & Sahid, 2019). Artikel (Mohamed & Sahid, 2019) juga menyenaraikan enam puluh empat karya Shaykh Daud al-Fatāni serta membincangkan biografi tokoh tersebut secara umum. Sumbangan penting kajian (Mohamed & Sahid, 2019) ialah membuktikan bahawa Shaykh Daud bukan sekadar sarjana fiqh

tetapi juga pemikir ekonomi perintis di Alam Melayu. Namun begitu, analisis yang dijalankan hanya tertumpu kepada satu topik kandungan tertentu, iaitu gharar dalam akad mu'awadah, dan hanya berdasarkan teks cetakan tanpa meneliti atau mendokumentasikan sifat fizikal mana-mana naskhah manuskrip secara langsung (Mohamed & Sahid, 2019). Tiada sebarang maklumat kodikologi tentang perpustakaan penyimpanan, nombor panggilan, khat, nama penyalin atau tarikh salin yang dihurai, menjadikan artikel (Mohamed & Sahid, 2019) tidak menyumbang kepada usaha dokumentasi manifes fizikal kitab ini.

Pendekatan analisis kandungan yang sama juga digunakan oleh Mohd Faisal Mohamed, Muallimin Mochammad Sahid dan Mohamad Zaharuddin Zakaria dalam artikel "Rukun-Rukun al-Bay' dan al-Ijarah dalam Kitab Sullam al-Mubtadi Karangan Syeikh Daud al-Fatani: Analisis dari Perspektif Maqasid al-Syariah" (Mohamed et al., 2017). Kajian ini menganalisis rukun-rukun kontrak al-Bay' (jual beli) dan al-Ijarah (sewa) mengikut kerangka Maqasid al-Syariah, iaitu prinsip kemaslahatan umum, dengan menerapkan kaedah fiqh "kesulitan membawa kepada kemudahan" untuk menilai keharusan kontrak Bay' al-Salam dalam konteks semasa (Mohamed et al., 2017). Antara sumbangan utama kajian (Mohamed et al., 2017) ialah membuktikan bahawa idea-idea fiqh muamalat dalam *Sullam al-Mubtadi* masih relevan dengan realiti masa kini dan wajar dijadikan rujukan kontemporari. Walau bagaimanapun, tumpuan analisis yang mendalam terhadap rukun sighah (ijab dan qabul), rukun penjual dan pembeli, serta rukun barang jualan ini hanya memberi gambaran konseptual dan tidak dilakukan terhadap naskhah manuskrip fizikal (Mohamed et al., 2017). Sama seperti artikel (Mohamed & Sahid, 2019), sumber rujukan utama ialah teks cetakan dengan pernyataan umum "Syeikh Daud tidak menyebutkan secara jelas dalam kitabnya" tanpa meneliti sama ada naskhah-naskhah tertentu mengandungi penjelasan yang lebih lengkap yang mungkin terdapat dalam manuskrip asal (Mohamed et al., 2017). Jurang ini menunjukkan bahawa usaha deskripsi kodikologi masih belum dijalankan untuk tujuan verifikasi keragaman teks antara naskhah.

Kajian keempat dalam sorotan ini ialah artikel oleh Mohd Faisal Mohamed dan Maad Ahmad, "Pemikiran Ekonomi Syeikh Daud Al-Fatani Mengenai Konsep Kemaslahatan dan Keadilan Dalam Kitab Fiqh Jawi: Kajian Tumpuan Terhadap Kontrak Mua'wadah" (Mohamed & Ahmad, 2016). Kajian ini merupakan antara yang terawal menganalisis teks *Sullam al-Mubtadi* dari sudut ekonomi Islam, dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan untuk mengenal pasti idea-idea kemaslahatan dan keadilan dalam kontrak mu'awadah (Mohamed & Ahmad, 2016). Antara dapatan penting ialah analisis Shaykh Daud mengenai syarat subjek jualan (barang yang mampu diserahkan), isu kerosakan barang dalam kontrak ijarah, serta justifikasi pensyarian Bay' al-Salam berdasarkan kaedah fiqh "kesulitan membawa kepada kemudahan" (Mohamed & Ahmad, 2016). Sumbangan penting kajian (Mohamed & Ahmad, 2016) ialah meletakkan asas bahwa pengarang kitab fiqh seperti Shaykh Daud wajar dikenali bukan hanya sebagai fuqaha tetapi juga sebagai pemikir ekonomi awal Alam Melayu. Bagaimanapun, analisis dalam kajian (Mohamed & Ahmad, 2016) juga hanya berdasarkan teks tanpa dokumentasi kodikologi naskhah, dan tidak menyentuh aspek pemerhatian fizikal manuskrip sama sekali (Mohamed & Ahmad, 2016). Tiada usaha dijalankan untuk mengenal pasti pelbagai naskhah, mengesan jejak penyalin, atau menentukan usia relatif naskhah berdasarkan analisis fizikal.

Berdasarkan tinjauan terhadap kelima-lima kajian terdahulu di atas, beberapa jurang penyelidikan yang jelas dapat dikenal pasti. Pertama, walaupun artikel (Ismail & Jalil, 2022) oleh Saiful Anuar dan Muhammad Hilmi telah menyenaraikan koleksi manuskrip dan sebahagian spesifikasinya, data-data tersebut masih bergantung kepada sumber sekunder tanpa pemerhatian fizikal sendiri. Kedua, kajian (Salleh, 1997) oleh Maziah hanya memilih satu naskhah untuk tujuan transliterasi tanpa membandingkan kepelbagaian naskhah. Ketiga, ketiga-tiga artikel analisis kandungan oleh (Mohamed & Sahid, 2019), (Mohamed et al., 2017) dan (Mohamed & Ahmad, 2016) yang dihasilkan oleh kumpulan sarjana yang sama hanya mengkaji topik-topik spesifik secara terpilih, tanpa melakukan deskripsi kodikologi yang menyeluruh. Tiada satu pun daripada kelima-lima kajian terdahulu yang mengaplikasikan piawaian deskripsi naskhah kontemporari mengikut

metodologi tahqiq moden, iaitu tidak menghurai secara sistematik unsur-unsur seperti nama perpustakaan, nombor panggilan, khat, nama penyalin, tarikh salin, jumlah halaman, keadaan fizikal dan corak catatan — elemen-elemen yang menjadi prasyarat penting dalam usaha verifikasi teks dan pemuliharaan khazanah. Sehubungan itu, satu usaha dokumentasi kodikologi yang menyeluruh terhadap pelbagai naskhah manuskrip *Sullam al-Mubtadi* di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia masih belum dilaksanakan secara sistematik, dan kajian ini berusaha untuk mengisi jurang tersebut.

3. Metodologi Kajian

Kajian kodikologi ini memerlukan satu kerangka metodologi yang sistematik bagi memastikan setiap aspek dijalankan mengikut piawaian saintifik. Bahagian ini menghuraikan tiga perkara utama, iaitu reka bentuk kajian, sumber rujukan dan kaedah analisis data yang diguna pakai. Ketiga-tiga aspek ini saling melengkapi kerana keabsahan data kodikologi bergantung sepenuhnya kepada ketepatan pemerhatian fizikal serta kepiawaian penyusunan deskripsi naskhah.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan dua strategi utama iaitu dokumentasi kepustakaan serta pemerhatian fizikal secara langsung. Pendekatan kualitatif dipilih kerana tumpuan utama kajian adalah kepada sifat fizikal naskhah manuskrip, bukannya analisis konseptual terhadap kandungan teks. Justeru, strategi dokumentasi kepustakaan dijalankan terlebih dahulu bagi membina kerangka konseptual dan metodologi yang kukuh, sebelum pemerhatian fizikal dijalankan ke atas naskhah-naskhah manuskrip di lapangan. Gabungan dua strategi ini memastikan data yang diperoleh bersifat autentik dan saintifik, bukan semata-mata bergantung kepada rujukan sekunder atau analisis teksual semata. Pendekatan ini juga membezakan kaedah kajian ini daripada kebanyakan kajian terdahulu yang hanya menjalankan analisis konseptual terhadap topik-topik tertentu secara terpilih.

3.2 Sumber Kajian

Sumber utama kajian ialah naskhah–naskhah manuskrip Kitab *Sullam al-Mubtadi* karya Shaykh Daud al-Faṭāni yang masih kekal tersimpan di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Pemilihan lokasi ini dibuat berdasarkan hakikat bahawa institusi tersebut menyimpan koleksi terbesar naskhah manuskrip ini berbanding mana–mana institusi lain di Malaysia. Sumber rujukan sekunder pula terdiri daripada artikel jurnal, kertas projek dan tesis berkaitan biografi Shaykh Daud al-Faṭāni serta pengajian manuskrip Melayu, di samping kitab–kitab Turath Jawi tradisional dan kamus–kamus khusus yang berkaitan. Sumber sekunder ini berperanan menyediakan latar belakang konseptual dan metodologi sebelum pemerhatian fizikal dijalankan, namun tidak menggantikan peranan pemerhatian langsung yang menjadi teras kajian ini.

3.3 Analisis Data

Data yang dikumpulkan melalui pemerhatian fizikal dianalisis menggunakan kaedah analisis kodikologi iaitu satu cabang ilmu filologi yang mengkaji buku secara fizikal dari sudut sejarah dan teknologi penyalinannya. Pemerhatian fizikal dijalankan secara berulang terhadap setiap naskhah bagi memastikan ketepatan dan konsistensi data yang direkodkan. Unsur–unsur kodikologi yang didokumentasikan secara sistematik merangkumi nama perpustakaan penyimpanan, nombor panggilan naskhah, jenis khat yang digunakan, nama dan latar belakang penyalin, tarikh salin, jumlah halaman dan dimensi, jenis dakwat, keadaan fizikal naskhah serta corak catatan tepi yang mungkin hadir. Data deskripsi yang diperoleh kemudian disusun mengikut piawaian deskripsi naskhah kontemporari bagi memenuhi prasyarat metodologi tahqiq moden. Pendekatan keseluruhan ini akhirnya membentuk satu dokumentasi yang berguna untuk tujuan pengesahan teks dan pemuliharaan khazanah ulama Nusantara yang semakin terancam oleh kerosakan fizikal dan kelupaan generasi.

4. Dapatan Kajian

Shaykh Daud bin 'Abdullāh bin Idris al-Faṭānī, yang wafat pada tahun 1263 Hijriah bersamaan 1847 Masihi, merupakan antara ulama paling prolific yang lahir dan berkembang dalam tradisi keilmuan Patani pada abad ke-18 hingga ke-19 (Burhanudin, 2022; MALAYSIA et al., 2020). Korpus penulisan beliau yang menjangkau lebih daripada dua puluh buah karya merentasi pelbagai cabang disiplin Islam (bermula dari akidah, ibadat, tasawwuf sehingga fiqh Shāfi'i dan beberapa cabang perundangan lain) telah membentuk sebahagian daripada tonggak pedagogi pondok tradisional di Alam Melayu-Nusantara sehingga abad ke-20 (Burhanudin, 2022; MALAYSIA et al., 2020). Di antara keseluruhan khazanah intelektual tersebut, kitab Sullam al-Mubtadi' yang disiapkan pada tahun 1836 Masihi menonjolkan kedudukannya sebagai teks primer yang menghimpun aqidah, ibadat, mu'āmalāt, munākahāt, jināyāt dan topik-topik asas lain yang diperlukan oleh umat Islam, lalu secara konsisten berfungsi sebagai rujukan asas dalam pengajian fiqh mazhab Shāfi'i di institusi pondok tradisional Alam Melayu (Hassan, 2013; Junggal & Rahim, 2025). Kewujudan pelbagai naskhah Sullam al-Mubtadi' yang tersebar di pusat-pusat dokumentasi Melayu-Nusantara bukan sekadar menggambarkan permintaan yang berterusan terhadap teks ini bahkan turut memperlihatkan kesinambungan transmisi pemikiran Shāfi'i Timur Tengah ke dalam gugusan kepulauan Melayu melalui corak pensalin, pemilikan dan konteks pembacaan yang tersendiri (Junggal & Rahim, 2025).

Huraian kodikologi ketujuh-tujuh naskhah di bawah ini dibentangkan dalam perenggan naratif penuh yang menggabungkan parameter paleografi dan kodikografi-kualitatif fizikal secara analitikal selaras dengan kerangka metodologi yang dipersetujui, dengan disusuli observasi interpretatif bagi setiap naskhah untuk membuka ruang pengiktirafan pola paleografi, kodikografi mahupun sosio-budaya pensalin, pemilik dan pengguna naskhah (Mursyid et al., 2026). Rentang masa penyalinan yang merangkumi tempoh antara tahun 1258 Hijriah sehingga 1298 Hijriah menunjukkan bahawa Sullam al-Mubtadi' terus dihasilkan sebagai salinan hampir empat puluh tahun selepas kewafatan Shaykh Daud, mencerminkan kedudukannya sebagai teks kurikulum yang berpanjangan dalam sanad transmisi Shāfi'i Nusantara.

4.1 Pengenalan 7 Manuskrip Sullam Al-Mubtadi

4.1.1 Pengenalan Manuskrip Sullam Al-Mubtadi MSS 717

Pengkaji memilih MSS 717 sebagai naskhah pertama kerana tahun siap salinnya paling dekat dengan tahun kehidupan pengarang kitab sullam al-mubtadi iaitu Shaykh Daud, manuskrip ini tersimpan di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Teks ini ditulis dalam gabungan dua tradisi khat iaitu naskhī yang mendominasi tubuh utama dan rīq'ah pada bahagian-bahagian tertentu, tulisannya agak tidak konsisten. Menurut katalog induk manuskrip Melayu di Malaysia (*Perpustakaan Negara Malaysia*, 1993), manuskrip ini disalin oleh Tuan Lebai 'Abdul Qadir, akan tetapi pengkaji menemukan ayat yang meragukan di bawah kolofon yang tercatat “fasal pada menyatakan (?) kitab ini Tuan Lebai 'Abdul Qadir empunya dan menyuratkan (sin-min-ya-nun ain-ya-dal, Semain 'Eid?)..”. Tarikh salin dicatatkan berlaku pada hari Khamis, waktu *ḍuḥā*, bulan Sha'bān enam belas hari bulan, tahun 1258 Hijriah. Naskhah ini mengandungi 48ff folio dan teks secara keseluruhan berada dalam keadaan lengkap, dengan beberapa catatan yang ditemui pada bahagian-bahagian tertentu. Keadaan fizikal naskhah menunjukkan kesan terbakar yang ketara pada enam helaian pertama selain lubang-lubang besar pada helaian yang sama, namun helaian-helaian berikutnya berada dalam keadaan yang hampir baik. Pola kerosakan awal ini lazimnya mencerminkan kemungkinan suatu insiden yang menimpa naskhah pada ketika tertentu dalam proses penyimpanan atau transmisinya, namun bahagian majoriti teks yang masih kekal utuh membuktikan adanya nilai dokumentari yang kekal dipelihara oleh pemilik dan waris yang mengurusnya turun-temurun. Tarikh salinan yang awal iaitu 1258 Hijriah meletakkan naskhah ini sebagai antara salinan generasi yang paling hampir dengan zaman hayat Shaykh Daud al-Faṭānī, sekali gus menandakan fungsi kitab Sullam al-Mubtadi' sebagai teks primer yang kekal dibaca dalam kalangan pelajar pondok pada zaman pengarang sendiri, selain menjadi penanda bahawa gerakan transmisi Sullam al-Mubtadi' sudah berjalan lebih kurang sedekad sebelum kewafatan Shaykh Daud.

4.1.2 Manuskrip Sullam Al-Mubtadi MSS 2359

Naskhah kedua dipilih iaitu MSS 2359 di PKMM, PNM sekali lagi ditulis dalam skrip naskhī secara dominan. Penyalin yang bertanggungjawab ialah Tuan Lebai Dīn ibn Ḥājī 'Abdul Qādir, dan tarikh salin menunjukkan proses berlangsung mulai bulan Ramaḍān sehingga siap pada waktu ḍuḥā, hari Jumaat, sebelas Syawwāl 1294 Hijriah bersamaan 19 Oktober 1877 Masihi. Naskhah didapati mengandungi 52ff folio bagi manuskrip kitab sullam al-mubtadi dan selebihnya pengkaji tidak dapat mengesan kitab apa setelahnya yang keseluruhannya berjumlah 70ff bagi MSS 2359 manakala teks berada dalam keadaan lengkap. Tiada catatan, bacaan mahupun semakan yang ditemukan pada bahagian-bahagian naskhah. Kolofon memaparkan secara naratif proses pensalin dengan sebahagian besar ditulis dalam aksara Jawi yang meniru konvensi skripografi Arab-Melayu-Modern Nusantara melalui formula-formula bahasa Arab: “telah selesai lah daripada menyurat Sullam al-Mubtadi' ini perhamba Tuan Lebai Dīn ibn Ḥājī 'Abdul Qādir orang negeri Cahaya duduk di dalam benua daerah kampung (waw-ta marbutah sin-kaf-ya-ta marbutah)”, dan “menyurat pada bulan Ramaḍān tahun ini dan sudah pada bulan Syawwāl sebelas hari bulan kepada hari Jumaat ketika ḍuḥā pada tahun ini pada hijrah Nabi ṣallā Allāh 'alayh wa sallam seribu dua ratus sembilan empat tahun, Wallāhu a'lam". Menurut Katalog Manuskrip Melayu, bahan fizikal naskhah menunjukkan penggunaan kertas laid Inggeris berwarna putih kecoklatan dengan dimensi 20.4 x 16.3 sentimeter dan sebanyak 19 baris tulisan setiap halaman, dengan dakwat berwarna hitam dan rubrikasi pada perkataan bahasa Melayu tertentu serta ayat bahasa Arab, tulisan yang kemas, menarik dan konsisten, manakala kuras naskhah didapati berceraian dan dibalut dengan kulit keras berwarna hitam. Tera air yang kelihatan menunjukkan dua motif iaitu tulisan LONDON dalam bulatan yang dilingkungi oleh satu bulatan lagi dengan perkataan C. MILLINGTON di dalamnya dan tarikh 1876 di bahagian bawah, serta motif berupa kuda, perisai, rumpai laut dan tarikh 1876 di bahagian bawah (PNM, 2000). Keadaan fizikal seterusnya dilihat lubang-lubang kecil kesan dimakan serangga dan tompokan kesan kena air di kebanyakan halaman. Persamaan nama keluarga 'Abdul Qādir pada

catatan pemilik MSS 717 dengan salasilah pensalin MSS 2359 memungkinkan ikatan genealogi pemilik-pensalin yang menarik untuk diteliti secara filologis pada masa akan datang, manakala tera air London 1876 dengan nama C. MILLINGTON pada kedua-dua tera air memperkenalkan jendela waktu edaran naskhah yang dapat dihadkan kepada kertas Eropah akhir abad ke-19, lalu menyediakan data paleografi yang sangat berharga untuk memahami jaringan komersial kertas Dunia Lama dalam ekosistem pondok Nusantara. Kolofon hibrid Arab-Jawi pada naskhah ini menonjolkan pertembungan skripografi yang tersendiri iaitu kerangka bahasa Melayu-Jawi yang dibingkai oleh tulisan Arab seperti *ṣallā Allāh 'alayh wa sallam* dan *Wallāhu a'lam*, satu ciri konvensi hibrid yang mencirikan amalan pensyarahan Melayu-Islam pada abad ke-19 dan berfungsi sebagai kod sosio-budaya yang memperlihatkan kedalaman akulturasi skripografi antara Timur Tengah dan kepulauan Melayu.

4.1.3 Pengenalan Manuskrip Sullam Al-Mubtadi MSS 1205

Naskhah ketiga iaitu MSS 1205 di PKMM, PNM seterusnya mempersembahkan variasi paleografi yang agak berbeza daripada dua naskhah terdahulu kerana ia ditulis secara eksklusif dalam skrip naskhī tanpa kehadiran rīq'ah yang ketara, tulisannya jelas dan mudah dibaca. Nama penyalin iaitu al-Ḥājj Muḥammad Saman Faṭānī tertera pada catatan kolofon, menandakan salasilah pensalin yang jelas berasal dari rantau Patani, dan tarikh salin dicatatkan berlaku pada hari Sabtu, selikur haribulan Rajab, waktu 'aṣar, di Mekah, pada tahun 1280 Hijriah. Catatan pemilikan tidak dinyatakan. Naskhah mengandungi 49ff folio dan teks berada dalam keadaan lengkap melainkan halaman pertama yang tiada, dengan beberapa catatan kecil talaqqī yang hadir pada bahagian-bahagian tertentu. Keadaan fizikal menunjukkan kesan tompokan berwarna kuning di bahagian tepi dan di bawah kertas seperti kesan kerak air, namun secara keseluruhan naskhah berada dalam keadaan baik. Penyalin yang jelas berketurunan Faṭānī dan siap disalin di Mekah pada 1280 Hijriah bukan sahaja memperlihatkan berlakunya mobiliti pelajar dan sarjana Patani yang aktif dalam rangkaian transmisi ilmu Shāfi'ī Haramain-Mekah, bahkan turut

mencerminkan kelangsungan fungsi Sullam al-Mubtadi' sebagai teks pengajian yang wajar dibawa pulang ke Patani oleh para penuntut yang kembali. Kewujudan catatan talaqqī pada bahagian-bahagian tertentu merupakan indikator paleografi yang signifikan secara pedagogi kerana menandakan corak penggunaan naskhah dalam sesi-sesi pengajian talaqqī iaitu pembelajaran secara mendengar dan mencatat yang menjadi amalan pedagogi tradisi pondok, lalu memperlihatkan bahawa naskhah ini bukan sekadar artefak teks pasif sebaliknya berfungsi sebagai wahana transmisi ilmu yang hidup dalam ruang halaqah pembelajaran ummah.

4.1.4 Manuskrip Sullam Al-Mubtadi MSS 229

Naskhah keempat iaitu MSS 229 di PKMM, PNM pula ditulis dalam gabungan khat naskhī dan rīq'ah, dengan nama penyalin iaitu Ḥājjī 'Abdul Ra'ūf ibn Ḥājjī Wan Ḥusain dari Jering, dan nama pemilik iaitu Ḥājjī Awang Senik ibn 'Abdul Somad Jering, satu catatan yang menandakan asal-usul Jering yang berkemungkinan besar merujuk kepada sebuah lokaliti di Thailand. Menurut PNM (PNM, 1993) naskhah ini siap di salin pada hari khamis, 2 Safar 1297h, sedangkan pengkaji melihat di kolofon “telah selesailah daripada menyalin daripada nuskhah pada hari arba’ (rabu) pada dua hari bulan safar pada waktu zuhr di dalam negeri Mekah pada tahun 1297 Hijriah”. Proses salin berlangsung dari hari Isnin, dua haribulan Dhū al-Ḥijjah tahun 1292 Hijriah seperti yang tercatat pada muka surat pertama naskhah sehingga selesai pada hari Rabu, dua haribulan Šafar pada waktu zuhr di dalam negeri Mekah pada tahun 1297 Hijriah, satu tempoh jeda sehingga hampir lima tahun yang menunjukkan kemungkinan proses pensalin secara berperingkat di samping komitmen pengajian dan pengajaran dalam jaringan Mekah. Naskhah mengandungi 42 muka surat atau menurut PNM (PNM, 1993) 21ff folio berukuran 24.8 x 17.4 cm dan teks dilihat berada dalam keadaan lengkap, dengan beberapa catatan di tepi yang menyertainya. Keadaan fizikal naskhah dilihat sangat lusuh namun masih boleh dibaca, dengan helaian yang berterabur dan perlu disusun semula untuk dibaca dengan teratur, satu keadaan yang menandakan keperluan intervensi pemuliharaan yang mendesak sebelum bacaan selanjutnya terjejas. Pola

jaringan geografi pensalin dan pemilik yang sama-sama mencatatkan Jering sebagai asal-usul menandakan transmisi naskhah berlaku dalam kalangan komuniti keilmuan yang tersendiri di rantau tersebut, dan tempoh pensalin yang panjang sehingga hampir lima tahun pula menggambarkan kesungguhan dan kekomitmenan yang tinggi terhadap penghasilan salinan teks primer secara radikal dalam suasana pedagogi pondok, sedangkan status Mekah sebagai tempat siap salinan menunjukkan bahawa penyalin tidak sekadar mengunjungi Haramain tetapi berkemungkinan menetap sebahagian besar tempoh tersebut bagi tujuan pengajian lanjut.

4.1.5 Manuskrip Sullam Al-Mubtadi MSS 768

Naskhah kelima iaitu MS 768 di PKMM, PNM memaparkan gabungan khat naskhī dan riq'ah, dengan nama penyalin tidak dinyatakan. Menurut PNM (PNM, 1993) naskhah ini disalin oleh Haji Abu Bakar bin Haji Muhammad Amin, namun pengkaji melihat di bahagian kolofon bahawa catatan pemilik ialah Abū Bakar orang Setul ibn Tuan Ḥājjī Muḥammad Amīn tertera dengan jelas, di mana Setul berkemungkinan merujuk kepada sebuah tempat di Thailand. Tarikh salin dicatatkan pada empat belas haribulan Jumādīl 1298 Hijriah, hari Rabu, pada pukul empat petang, namun maklumat spesifik jenis Jumādī tidak diperincikan di bahagian kolofon. Naskhah mengandungi 56ff folio berukuran 23 x 16.9cm dan teks berada dalam keadaan lengkap, tiada catatan yang ditemukan, dan keadaan fizikal dilaporkan sangat baik tanpa lubang yang ketara, dengan hanya kesan habuk dan air yang hadir di tepi hujung helaian. Tahap kelestarian fizikal yang lebih baik berbanding kebanyakan naskhah sebelumnya mencerminkan kemungkinan ketinggian usaha pemuliharaan yang ditunjukkan oleh waris keluarga pemilik, manakala kewujudan Abū Bakar orang Setul sebagai pemilik yang menyebut salasilah paterfamilias sehingga ke datuk Muḥammad Amīn menonjolkan corak penerusan jagaan keluarga terhadap khazanah kitab turāth yang tersendiri di Nusantara, lalu memperlihatkan bahawa fungsi kepunyaan kitab dalam masyarakat Melayu tradisional bukan sekadar dilihat sebagai hak milik individu tetapi sebagai amanah generasi yang memerlukan pemeliharaan berterusan.

4.1.6 Pengenalan Manuskrip Sullam Al-Mubtadi MSS 2369

Beralih kepada naskhah keenam iaitu MSS 2369 yang juga tersimpan di PKMM, PNM, manuskrip ini turut ditulis dalam gabungan khat naskhī dan rīq'ah, namun nama penyalin tidak dinyatakan pada kolofon mahupun pada catatan lain yang diperhatikan. Tarikh salin dicatatkan berlaku pada hari Sabtu, enam hari bulan Jumādī al-Awwal, di negeri Mekah, pada tahun 1278 Hijriah, tarikh yang turut didokumentasikan oleh Katalog Manuskrip Melayu (PNM, 2000), dan catatan pemilik tidak dinyatakan. Naskhah mengandungi 54ff folio dan teks berada dalam keadaan lengkap dengan beberapa catatan yang hadir pada bahagian-bahagian tertentu. Daripada sudut kodikografi-kualitatif fizikal, menurut PNM naskhah ini ditulis pada kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan dengan dimensi 24.2 x 16.7 sentimeter dan sebanyak 23 baris tulisan setiap halaman, dengan dakwat berwarna hitam serta teknik rubrikasi pada perkataan bahasa Melayu yang tertentu dan ayat-ayat bahasa Arab. Tulisan kelihatan kemas namun tidak sepenuhnya konsisten. Tera air yang kelihatan pada kertas ialah motif bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai dan ringkasan huruf AG, manakala kesan fizikal memperlihatkan sedikit tompokan kena air di bahagian tepi kertas selain kesan serangan serangga yang amat ketara di bahagian lipatan kertas sehingga menyebabkan kertas berceraian. Naskhah ini tidak berjilid tetapi dibalut dengan kulit berwarna coklat bercorak geometri (PNM, 2000). Salinan yang disiapkan di Mekah pada tahun 1278 Hijriah menandakan secara tegas orientasi transmisi Sullam al-Mubtadi' ke jantung pengajian Shāfi'ī Haramain dan memperlihatkan bahawa Sullam al-Mubtadi' sudah mula menjadi teks yang hendak disalin secara langsung di pusat pengajian Timur Tengah menjelang akhir hayat Shaykh Daud. Kewujudan kertas laid Eropah dengan tera air AG dan motif perisai seterusnya menandakan bahawa pensalin atau pengguna naskhah di Mekah telah memanfaatkan jaringan komersial kertas Eropah yang semakin meluas di pasaran Timur Tengah pada abad ke-19, manakala serangan serangga yang menyerang lipatan kertas mendedahkan kelemahan kaedah penyimpanan yang mencirikan sebahagian besar khazanah manuskrip Melayu-Nusantara dan

seterusnya memperkuat lagi urgensi pemuliharaan yang telah dibingkaskan dalam kerangka metodologi artikel ini.

4.1.7 Manuskrip Sullam Al-Mubtadi MSS 2354

Naskhah ketujuh iaitu MSS 2354 di PKMM, PNM menutup rangkuman kodikologi dengan specimen terakhir yang memaparkan variasi dengan gabungan dua tradisi khat iaitu naskhī dan rīq'ah, namun nama penyalin dan pemilik tidak dinyatakan pada bahagian kolofon mahupun catatan lain yang dijumpai. Tarikh salin dicatatkan selesai pada pagi hari Isnin, empat Muḥarram 1296 Hijriah bersamaan 29 Disember 1878 Masihi. Naskhah mengandungi 86 halaman atau menurut PNM (PNM,2000) mencatatkan sebanyak 40ff folio dengan dimensi 24.5 x 17.3 sentimeter dan sebanyak 25 baris tulisan setiap halaman, satu jurang numeral yang mencerminkan kemungkinan perbezaan kaedah pengiraan antara folio fizikal dengan halaman keseluruhan naskhah, dan teks berada dalam keadaan lengkap. Tiada catatan, bacaan atau semakan yang ditemukan. Daripada sudut material, menurut PNM naskhah ditulis pada kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan dengan dakwat berwarna hitam, rubrikasi pada perkataan bahasa Melayu tertentu dan ayat bahasa Arab, namun tulisan tidak menarik dan tidak konsisten, lalu membezakan naskhah ini secara kualitatif daripada naskhah–naskhah sebelumnya dari sudut mutu kaligrafi. Tera air yang kelihatan ialah bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai dan dua kepala burung, mahkota di atasnya, serta pedang di sisi kiri dan kanan. Keadaan fizikal seterusnya menunjukkan kesan kena air di bahagian atas kertas dan di tepi keliling kertas yang telah koyak, dengan jilid yang menggunakan kain berpetak berwarna merah, hijau dan kuning melalui teknik kuras berjahit (PNM,2000). Penggunaannya sebagai teks kurikulum pondok selepas kewafatan Shaykh Daud al-Faṭānī selama hampir tiga dekad menunjukkan bahawa Sullam al-Mubtadi' terus berfungsi sebagai rujukan asas fiqh Shāfi'ī dalam pengajian pondok generasi berikutnya, sementara jilid kain berpetak tiga warna merah, hijau dan kuning dengan teknik kuras berjahit

memperlihatkan terapan konvensi jilidan Nusantara yang tersendiri dengan motif kultural tiga warna yang lazim dalam persembahan dada kitab tradisional Melayu.

Keseluruhan corak kodikologi yang terungkap daripada ketujuh-tujuh naskhah *Sullam al-Mubtadi'* di PKMM, PNM ini memperlihatkan satu ekosistem transmisi teks yang kompleks dan berlapis, merangkumi variasi pensalin dari Patani, Mekah dan lokaliti-lokaliti Nusantara seperti Jering dan Setul, kewujudan catatan talaqqī yang menandakan pedagogi halaqah, penggunaan kertas laid Eropah yang memperlihatkan jaringan komersial kertas Dunia Lama, serta konvensi jilidan dan pembalutan yang mencerminkan pertembungan estetika Timur Tengah dengan kraf tempatan Nusantara. Rentang kronologi antara 1258 Hijriah sehingga 1298 Hijriah membuktikan bahawa *Sullam al-Mubtadi'* terus menjalani proses pensalin semula yang sistematik hampir empat dekad selepas kewafatan Shaykh Daud al-Faṭānī, sekali gus mengesahkan objektif pertama dan kedua abstrak tentang pengenalan kewujudan manuskrip dan penghuraian sifat kodikologinya secara konkrit dan empirikal.

4.2 Susunan Topik, Struktur Bab dan Kaedah Perundangan dalam Kitab *Sullam al-Mubtadi'*

4.2.1 Susunan Topik

Kitab *Sullam al-Mubtadi'* karya Shaykh Daud al-Faṭānī disusun secara berperingkat dalam tiga bahagian utama, iaitu 'aqīdah (mengenai rukun iman), fiqh (mengenai hukum-hakam amali) dan tasawuf (mengenai akhlak serta kerohanian). Susunan ini dimulakan dengan bahagian 'aqīdah, kemudian disusuli dengan fiqh, dan diakhiri dengan tasawuf (Ismail & Jalil, 2022). Perkataan "Sullam" dalam bahasa Arab bermaksud "tangga", iaitu lambang bahawa kitab ini berperingkat seperti anak tangga untuk pendakian ilmu (Ismail & Jalil, 2022). Pada bahagian fiqh, Shaykh Daud memuatkan keempat-empat lapangan hukum yang lazim dalam tradisi Shāfi'ī, iaitu ibadat, mu'āmalah (jual beli dan urusan kewangan), munākahāt (perkahwinan dan keluarga) serta jināyāt (jenayah) (Ismail & Jalil, 2022).

4.2.2 Struktur Bab

Struktur kitab ini teratur kemas. Pada permulaan, terdapat satu bab pembukaan yang dikenali sebagai "Bāb fī al-'Aqīdah", yang kemudiannya berkembang menjadi 16 buah kitab dan 78 fasal bagi keseluruhan kitab (Ismail & Jalil, 2022). Setiap kitab dimulakan dengan muqaddimah ringkas sebelum dihuraikan kepada beberapa fasal. Antara kitab yang penting termasuk (Ismail & Jalil, 2022):

- Kitab al-Ṣalāh: 18 fasal
- Kitab al-Zakāh
- Kitab al-Ṣiyām: 2 fasal
- Kitab al-Nusuk: 4 fasal
- Kitab al-Bay': 15 fasal
- Kitab al-Nikāḥ: 8 fasal
- Kitab al-Jināyāt

Di hujung kitab, Shaykh Daud menyelitkan kata pujangga dalam bentuk puisi sebagai penutup (Ismail & Jalil, 2022).

4.2.3 Kaedah Perundangan

Dalam membahaskan hukum, Shaykh Daud mengikut sepenuhnya pendekatan mazhab Shāfi'i (Ismail & Jalil, 2022). Beliau dengan jelas menyatakan dalam kata pengantar bahawa rujukan utamanya ialah kitab-kitab utama Shāfi'i dari Timur Tengah, iaitu Minhāj al-Ṭālibīn karya al-Nawawī, Tuhfat al-Muhtāj karya Ahmad bin Hajar, Nihāyat al-Muhtāj karya al-Ramlī, Mughnī al-Muhtāj karya al-Khaṭīb Sharbīnī, Fath al-Wahhāb, serta Taḥrīr Tanqīḥ al-Lubāb karya Zakariyyā al-Anṣārī (Burhanudin, 2022). Kaedah huraianannya mudah difahami kerana setiap topik fiqh dipecahkan kepada rukun, syarat dan hukum utama. Sebagai contoh, dalam

rukun jual beli, beliau menjelaskan sighah iaitu lafaz ijab ("aku jual") dan qabul ("aku beli") (Ismail & Jalil, 2022). Bahasa yang digunakan ringkas dan padat, sesuai dengan tujuan asal kitab ini sebagai panduan fardu ain untuk kegunaan masyarakat umum Muslim (Ismail & Jalil, 2022).

4.3 Penisbahan Kitab Kepada Pengarang

Penisbahan sesebuah kitab kepada pengarang merupakan salah satu langkah penting dalam pengajian manuskrip. Perkara ini penting kerana ramai yang tersilap dalam hal ini, lalu menisbahkan sesebuah kitab kepada pengarang semata-mata berdasarkan catatan pada kulit muka manuskrip atau catatan penyalin, sehingga terhasil sebuah kitab yang dianggap karangan pengarang sedangkan ia sebenarnya bukan hasil tulisannya. Justeru, langkah verifikasi amat perlu dilakukan bagi memastikan kesahihan sesebuah manuskrip, lebih-lebih lagi sekiranya naskhah yang dikaji itu tunggal dan tidak diketahui siapa penulisnya serta tarikh penulisannya.

Dalam konteks manuskrip "Sullam al-Mubtadi" karya Shaykh Daud al-Fatani, persoalan penisbahan kitab kepada pengarang bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan. Hal ini kerana terdapat dua versi judul yang berbeza iaitu "Sullam Al-Mubtadi Fi Ma'rifah Tariqah Al-Muhtadi" dan "Sullam Al-Mubtadi Fi Bayan Tariq Al-Muhtadi". Kedua-dua versi ini dipercayai datang daripada pengarang yang sama, namun terdapat perbezaan pada halaman hadapan sahaja. Keadaan ini sudah pasti menuntut penelitian yang teliti bagi memastikan kedua-dua versi manuskrip ini benar-benar karangan Shaykh Daud bin Abdullah al-Fatani (Ismail & Jalil, 2022).

Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk membuktikan penisbahan sesebuah kitab kepada pengarangnya. Kaedah yang pertama ialah dengan merujuk kepada kitab-kitab biografi atau kamus-kamus penulis yang membicarakan tentang pengarang. Dalam hal ini, dua perkara perlu diteliti. Pertama, sama ada kitab tersebut tercatat sebagai salah satu karya pengarang di dalam

kitab-kitab biografi tersebut. Kedua, sama ada kitab itu digambarkan dengan sifat-sifat yang benar-benar bersesuaian dengan isi kandungannya (Salleh, 1996/97).

Berdasarkan catatan biografi Shaykh Daud bin Abdullah al-Fatani, beliau merupakan seorang pengarang yang sangat prolifik dan menghasilkan karya dalam pelbagai bidang keilmuan Islam, sama ada dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Arab. Antara hasil karyanya termasuk karya dalam bidang ilmu ketuhanan, hukum Islam, kesufian dan cerita para nabi. Justeru, penisbahan "Sullam al-Mubtadi" kepada beliau adalah konsisten dengan profil beliau sebagai pengarang yang banyak menghasilkan karya-karya bercorak keilmuan Islam (Ismail & Jalil, 2022).

Kaedah yang kedua ialah dengan merujuk kepada kitab-kitab lain dalam bidang yang sama. Persoalannya ialah sama ada kitab-kitab rujukan tersebut menisbahkan sesebuah kitab kepada pengarang tertentu dengan menggunakan nama yang tertentu (Salleh, 1996/97). Dalam hal ini, kitab "Kifayah al-Muhtadi" yang dikarang oleh Muhammad Nur bin Muhammad bin Ismail al-Fatani iaitu cicit saudara Shaykh Daud telah menyebut dengan jelas bahawa "Sullam al-Mubtadi" adalah hasil tulisan Shaykh Daud bin Abdullah al-Fatani (Ismail & Jalil, 2022). Begitu juga dengan catatan di bahagian akhir kitab tersebut di mana pengarang sendiri menandatangani penulisan kitab dengan menggunakan nama dan gelarnya, sekali gus menjadi bukti dalaman yang meyakinkan (Salleh, 1996/97). Maklum balas daripada Muhammad Nur ini amat penting memandangkan beliau merupakan zuriat keluarga Shaykh Daud yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang asal-usul karya pengarangnya.

Di samping itu, terdapat juga indikator yang boleh digunakan untuk mengenal pasti bahawa sesuatu penisbahan kitab itu adalah tidak sah. Antaranya ialah apabila di dalam teks didapati bahawa pengarang merujuk kepada atau menukilkan pendapat daripada seseorang tokoh yang sebenarnya hidup pada zaman yang jauh lebih lewat daripada zaman pengarang sendiri. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa penisbahan tersebut adalah palsu, kerana pengarang tidak mungkin mampu merujuk kepada tokoh yang hidup selepas zamannya (Salleh, 1996/97).

Dalam konteks "Sullam al-Mubtadi", indikator seumpama ini tidak dapat dikesan langsung. Kandungan kitab menunjukkan bahawa Shaykh Daud al-Fatani hanya merujuk kepada tokoh-tokoh ulama terdahulu yang sememangnya hidup sebelum atau pada zamannya. Tambahan pula, gaya bahasa dan metode penulisan yang digunakan adalah konsisten dengan corak penulisan ulama tradisional Nusantara pada sekitar akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19 Masihi. Berdasarkan kaedah-kaedah yang dibincangkan di atas, jelaslah bahawa penisbahan "Sullam al-Mubtadi" kepada Shaykh Daud bin Abdullah al-Fatani adalah sah dan dapat dipertanggungjawabkan (Salleh, 1996/97).

5. Perbincangan

5.1 Interpretasi Dapatan

Dapatan kodikologi terhadap ketujuh-tujuh naskhah *Sullam al-Mubtadi* di PKMM, PNM memperlihatkan satu ekosistem transmisi teks yang kompleks dan berlapis. Dari sudut kronologi, rentang masa pensalin antara tahun 1258 Hijriah sehingga 1298 Hijriah iaitu hampir empat dekad selepas kewafatan Shaykh Daud al-Faṭānī membuktikan bahawa kitab ini kekal relevan sebagai teks primer kurikulum pondok tradisional sehingga generasi pasca-pengarang. Tiga lokaliti pensalin yang berjaya dikenal pasti iaitu Patani, Mekah dan kawasan pedalaman Nusantara seperti Jering dan Setul telah memperlihatkan jaringan transmisi ilmu Shafi'i yang merentasi kepulauan Melayu dan pusat pengajian Haramain. Dari sudut paleografi, dua tradisi khat iaitu *naskhī* dan *ṯiq'ah* didapati mendominasi keseluruhan naskhah dengan corak konsistensi kaligrafi yang berbeza-beza antara satu naskhah dengan yang lain, manakala kewujudan tera air Eropah seperti *C. MILLINGTON* London 1876 dan motif bulan sabit AG telah membuka jendela baru terhadap jaringan komersial kertas Dunia Lama yang dimanfaatkan oleh komuniti pondok Nusantara. Keadaan fizikal naskhah pula memperlihatkan pelbagai tahap kelestarian daripada kesan terbakar pada MSS 717, serangan serangga yang teruk pada MSS 2369, sehingga tahap

pemuliharaan yang baik pada MS 768, satu variasi yang menggambarkan amalan penjagaan yang berbeza dalam kalangan keluarga pemilik naskhah sepanjang generasi.

5.2 Hubungan dengan Kajian Lepas

Dapatan kajian ini berjaya melengkapkan jurang yang masih tertinggal dalam kelima-lima sorotan kajian terdahulu. Berbanding dengan kajian Saiful Anuar Ismail dan Muhammad Hilmi Jalil (Ismail & Jalil, 2022) yang telah menyusun sejarah penulisan kitab dan menyenaraikan koleksi manuskrip di PNM namun masih bergantung kepada sumber sekunder tanpa pemerhatian fizikal sendiri, kajian ini menjalankan dokumentasi langsung ke atas tujuh naskhah pilihan dengan menghurai secara sistematik elemen kodikologi yang diabaikan oleh (Ismail & Jalil, 2022). Kajian Maziah binti Salleh (Salleh, n.d.) pula hanya memilih satu naskhah MS 236 untuk tujuan transliterasi dan analisis teks, sedangkan pendekatan komparatif yang digunakan dalam kajian ini memungkinkan pembacaan terhadap kepelbagaian variasi tekstual dan paleografi antara naskhah. Tiga artikel analisis kandungan yang dihasilkan oleh kumpulan sarjana yang sama iaitu Mohd. Faisal Mohamed dan rakan-rakan (Mohamed & Sahid, 2019), (Mohamed et al., 2017) dan (Mohamed & Ahmad, 2016) hanya menumpukan topik-topik fiqh terpilih seperti gharar, rukun al-bay' dan al-ijarah serta kemaslahatan secara konseptual tanpa menyentuh aspek dokumentasi fizikal, manakala kajian ini berjaya menghurai elemen kodikologi seperti nama penyalin, tarikh salin, bahan kertas, tera air dan corak jilidan yang diabaikan dalam ketiga-tiga artikel tersebut. Tambahan pula, penemuan salasilah 'Abdul Qādir yang dikongsi antara MSS 717 dan MSS 2359 membuka kemungkinan ikatan genealogi pemilik-pensalin yang belum pernah ditangani oleh mana-mana sarjana terdahulu, sekaligus memperkayakan wacana kodikologi kitab turāth Melayu-Nusantara secara empirikal dan metodologis.

6. Kesimpulan

Kajian kodikologi terhadap tujuh naskhah Kitab *Sullam al-Mubtadi* karangan Shaykh Daud bin 'Abdullah al-Fatani yang tersimpan di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia ini dijalankan selaras dengan dua objektif utama iaitu memperkenalkan kewujudan pelbagai naskhah kitab ini melalui pemerhatian langsung, serta menghurai sifat-sifat kodikologi secara sistematik dan empirikal merangkumi nama penyalin, tarikh salin, bahan kertas, tera air, khat dan keadaan fizikal naskhah.

Kajian ini wajar dilakukan atas dua sebab utama. Pertama, Kitab *Sullam al-Mubtadi* bukan sekadar teks fiqh biasa, bahkan himpunan tiga disiplin besar iaitu 'aqidah, fiqh dan tasawuf. Bahagian pembukaannya membahas rukun iman Ahlussunnah wal-Jama'ah menurut mazhab Shafi'i, satu khazanah akidah yang sangat perlu dimasyhurkan di tanah Melayu. Kedua, kebanyakan sarjana terdahulu hanya menganalisis teks cetakan tanpa meneliti naskhah fizikal, lalu dokumen utama kitab ini semakin terhakis daripada jejakwaris sarjana.

Sumbangan utama kajian ini adalah dua hala. Pertama, mengaplikasikan piawaian deskripsi naskhah kontemporari secara menyeluruh terhadap ketujuh-tujuh spesimen dari tiga lokaliti pensalin berbeza. Kedua, membentuk hierarki naskhah untuk tujuan tahqiq pada masa hadapan iaitu MSS 717 sebagai naskhah utama kerana paling hampir dengan masa hidup pengarang, MSS 2359 (Tuan Lebai Din ibn Haji Abdul Qadir, 1294H) sebagai naskhah kedua, MSS 1205 (al-Hajj Muhammad Saman Fatani, 1280H, catatan talaqqi) ketiga, MSS 229 (Hajji Abdul Ra'uf, 1297H) keempat, MS 768 (1298H) kelima, MSS 2369 (1278H) keenam dan MSS 2354 (1296H) ketujuh.

Semoga usaha ini membuka jalan kepada tahqiq yang lengkap dan menjadi garis panduan penyelidik akan datang.

7. Rujukan

1. Burhanudin, J. (2022). Two Islamic Writing Traditions in Southeast Asia: Kitab Jawi and Kitab Kuning with Reference to the Works of Da'ud al-Fatani dan Nawawi al-Bantani. *Al-Jami Ah Journal of Islamic Studies*, 60(1), 1–28.
2. Hassan, A. A. H. (2013). Pemikiran hukum Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fatani dalam fiqh “ibadah : tumpuan kepada kitab Furu” al-Masa'il / Anida binti Hassan. In *University of Malaya Students Repository*.
3. Ismail, S. A., & Jalil, M. H. (2022). *Sejarah dan Spesifikasi Kitab Turath Jawi “Sullam Al-Muhtadi Fi Ma'rifah Tariqah Al-Muhtadi.”*
4. Junggal, A. B. A. H., & Rahim, P. M. W. P. H. A. (2025). The Manuscript Kifayah Al-Muhtaj fi Al-Isra Wa Al-Mi'raj By Sheikh Daud Al-Fatani: a Brief Review. *Journal of Islamic History and Manuscript*, 4(1), 1–14.
5. MALAYSIA, J. P. I., Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Mustapha, A. S., Ali, A. K., MALAYSIA, J. F. & U., Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Zainol, N. Z. N., MALAYSIA, J. P. I., Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Saparudin, I. F., & MALAYSIA, J. P. I., Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor,. (2020). Islamic Scholars in Malay Archipelago: Sheikh Daud al-Fatani (1769–1847M) Contribution's in Fiqh al-Shafie. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 2(3).
6. Mohamed, M. F., & Sahid, M. M. (2019). *SYEIKH DAUD AL-FATANI'S ECONOMIC THOUGHT REGARDING THE CONCEPT OF GHARAR IN THE BOOK OF FIQH JAWI (SULLAM AL-MUBTADI): FOCUSING ON AKAD MUA'WADAH.*

7. Mohamed, Mohd. F., & Ahmad, M. (2016). *Pemikiran Ekonomi Syeikh Daud Al-Fatani Mengenai Konsep Kemaslahatan dan Keadilan Dalam Kitab Fiqh Jawi (Sullam Al-Mubtadi): Kajian Tumpuan Terhadap Kontrak Mua'wadah*.
8. Mohamed, Mohd. F., Sahid, M. M., & Zakaria, M. Z. (2017). *Rukun-Rukun al-Bay' dan al-Ijarah dalam Kitab Sullam al-Mubtadi Karangan Syeikh Daud al-Fatani: Analisis dari Perspektif Maqasid al-Syariah*.
9. Mursyid, A. Y., Zin, A. Hj. A. @ M., & Hamid, F. A. F. A. (2026). Codicology, Islamization, and Qur'an Manuscripts in Southeast Asia: A Structural Mapping of Scholarship. *Jurnal Studi Ilmu-Ilmu Al-Qur'an Dan Hadis*, 27(1), 181–216.
10. Salleh, M. (1996/97). *Manuskrip Sullam al-Mubtadi fi Bayan Tariq al-Muhtadi: Transliterasi dan analisa teks* [Kertas projek Sarjana Muda yang tidak diterbitkan]. Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
11. Perpustakaan Negara Malaysia. (2000). *Katalog manuskrip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*. Perpustakaan Negara Malaysia.
12. Pusat Manuskrip Melayu. (1993). *Katalog induk manuskrip Melayu di Malaysia* (Siri Bibliografi Manuskrip No. 10). Perpustakaan Negara Malaysia.